

KOMPETENSI TEKNOLOGI MAKLUMAT
DI KALANGAN PENDIDIK SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DALAM DAERAH KUBANG PASU

ZAILANI BT. MAMAT



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2000

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kompetensi Teknologi Maklumat (IT) di kalangan Guru-guru Kanan Bidang dan Ketua Panitia di lima belas (15) buah sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kubang Pasu. Berdasarkan sorotan literatur faktor-faktor demografi, sikap dan latihan dijadikan angkubah bebas kajian, manakala angkubah bersandar kajian ialah tahap kompetensi IT.

Pemilihan responden dilakukan secara persampelan berstrata. Sebanyak 270 soal selidik telah diedarkan kepada responden dan kesemuanya telah dijawab oleh responden. Analisis data dilakukan secara deskriptif dan inferensial. Analisis deskriptif menggunakan kaedah frekuensi, peratusan dan min untuk menggambarkan profil responden, sikap responden, latihan responden dan tahap semasa kompetensi IT responden. Manakala analisis inferensial digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis melalui ujian korelasi, ujian-t dan analisis varian sehala (ANOVA Sehala).

Hasil ujian korelasi mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan dalam tahap kompetensi IT responden dengan faktor sikap dan faktor demografi (kelulusan akademik). Sikap responden adalah sangat positif terhadap teknologi maklumat dan bagi faktor kelulusan akademik didapati semakin tinggi kelulusan akademik responden semakin tinggi tahap kompetensi IT responden. Melalui

ujian-t didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kompetensi IT antara guru yang pernah mengikuti latihan dengan yang tidak, begitu juga antara guru lelaki dengan guru perempuan. Dalam analisis varian sehala (ANOVA Sehala) pula didapati juga bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kompetensi IT antara responden mengikut faktor kelulusan akademik.

Sebagai kesimpulan, penemuan di atas mendapati bahawa faktor demografi, faktor sikap dan faktor latihan mempengaruhi tahap kompetensi IT di kalangan guru. Hasil kajian ini bersesuaian dengan hasil-hasil kajian lalu. Berdasarkan kajian ini, pihak pengurusan pendidikan dicadangkan untuk mengkaji semula peluang-peluang dan rekabentuk latihan serta pembangunan kerjaya terutama kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kompetensi IT di kalangan guru bagi mewujudkan masyarakat berpengetahuan dan bemaklumat misalnya melalui pelaksanaan Sekolah Bestari.

BAB 1

PENGENALAN

Teknologi maklumat telah menjadi isu hangat dalam pendidikan di Malaysia. Ia menjadi asas kepada kehidupan masyarakat abad ke-21. Kerajaan, pihak swasta dan Kementerian Pendidikan telah menunjukkan minat yang begitu mendalam terhadap teknologi maklumat serta berusaha gigih untuk menjadikan masyarakat negara ini celik maklumat. Gagasan Koridor Raya Multimedia (MSC) membuktikan kesungguhan kerajaan dalam hal ini. Individu yang tidak menyedari dan tidak peka dengan perubahan ini dianggap ketinggalan zaman. Senario ini bermula pada tahun 1991 apabila Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan cita-cita Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju yang berteraskan teknologi maklumat menjelang tahun 2020. Matlamat ini dikenali sebagai Wawasan 2020.

Teknologi Maklumat (IT) menular masuk ke dalam segenap bidang transaksi manusia, termasuklah bidang pendidikan. Sesiapa sahaja yang berada dalam alam pekerjaan di seluruh dunia tidak lagi dapat menjalankan tugas dengan cekap tanpa menggunakan komputer. Ini bermakna dunia pekerjaan sekarang dan masa hadapan memerlukan sistem pendidikan yang mampu menyediakan tenaga kerja yang berpengetahuan, berkebolehan dan berkemahiran yang mencukupi untuk menangani tuntutan tersebut. Oleh yang demikian, kita

tidak boleh mengelakkan diri tetapi sebaliknya turut bersama-sama mengikuti arus perkembangan kini. Perubahan yang dilalui ini adalah atas kesedaran dan kefahaman tentang kepentingan dan kebergunaannya. Satu daripada perenggan dalam dokumen Wawasan 2020 menyatakan bahawa:

“... masyarakat Malaysia yang bermaklumat mesti dibentuk. Ia akan berlaku secara sengaja walaupun kita negara membangun yang serba kekurangan. Literasi komputer adalah sesuatu yang mesti diwujudkan jika kita ingin membangun dan progresif. Tumpuan sepenuhnya perlu diberikan untuk membentuk masyarakat Malaysia yang kaya dengan maklumat (Malaysia,1991).”

Selaras dengan itu, bekas Menteri Pendidikan Malaysia Dato' Sri Mohd. Najib dalam Simposium EDUCOMP '96 yang bertema “Pendidikan Esok Hari Ini” di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur telah melahirkan perhatian berat kementeriannya terhadap pendidikan teknologi maklumat. Rancangan Malaysia Ketujuh juga turut menitikberatkan penyediaan infrastruktur teknologi maklumat demi menjamin pembangunan dan pengurusan maklumat yang lebih berkesan.

Bahagian Pendidikan Guru (BPG) sedang mengkaji dan meninjau peluang untuk melaksanakan pembelajaran elektronik bagi melahirkan guru berpengetahuan serta berkemahiran dalam teknologi komunikasi dan maklumat